

## **PENDEKATAN NABAWI DALAM MEMBENTUK AKHLAK ISLAMIYYAH SEORANG MUSLIM TERHADAP SESAMA MAKHLUK**

Siti Samihah Mohd Yusoff (Corresponding author)  
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-Mail: [sitisamihahmohdyusoff@gmail.com](mailto:sitisamihahmohdyusoff@gmail.com)

Ismail Abdullah  
Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali Simpang 347,  
Jalan Pasar Gadong BE 1310, Negara Brunei Darussalam.  
E-Mail: [ismail.abdullah@unissa.edu.bn](mailto:ismail.abdullah@unissa.edu.bn)

Noornajihan Ja'afar  
Pensyarah, Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.  
E-Mail: [noornajihan@usim.edu.my](mailto:noornajihan@usim.edu.my)

### **ABSTRAK**

Islam menganjurkan kepada setiap Muslim supaya berakhlak mulia kepada semua makhluk baik yang bernyawa mahupun yang tidak bernyawa. Rasulullah s.a.w telah diutuskan untuk menyempurnakan akhlak mulia dan baginda adalah contoh teladan yang terbaik untuk setiap Muslim. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka pendekatan Nabawi dalam membentuk akhlak Islamiyyah seorang Muslim terhadap sesama makhluk. Metodologi yang akan digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis hadis Rasulullah s.a.w di dalam kitab Sahih Al-Bukhari yang berkaitan dengan akhlak Islamiyyah seorang Muslim terhadap sesama makhluk. Kaedah ini juga akan melibatkan kajian dan penyelidikan yang terdahulu seperti buku, artikel, dan penulisan ilmiah yang berkaitan. Hasil kajian ini dijangkakan akan menyediakan panduan kepada setiap Muslim untuk berakhlak mulia terhadap ibu bapa, keluarga, guru, sanak saudara, rakan, jiran tetangga, tetamu, orang yang memerlukan, kanak-kanak, termasuklah haiwan.

**Kata Kunci:** Pendekatan Nabawi; Akhlak Islamiyyah Seorang Muslim; Sesama Makhluk

### **PENDAHULUAN**

Akhlak diibaratkan sebagai asas bagi seseorang manusia seperti mana sesebuah bangunan yang tidak dapat ditegakkan dengan baik dan kuat tanpa asas yang kukuh. Begitulah jikalau seorang Muslim yang

tidak mempunyai akhlak yang baik sudah tentulah tidak akan kelihatan cantik dan menarik. Selagi mana seseorang itu tinggi budi pekertinya maka selama itulah akan kelihatan menarik pada rupanya. Begitu pentingnya akhlak dalam kehidupan manusia kerana melaluinya manusia dapat mencapai kemuliaan.

Selain itu, akhlak penting sebagai kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa terutamanya yang beragama Islam. Masyarakat yang mempunyai akhlak yang baik akan melahirkan nilai jati diri yang tinggi. Demikian itu, tanggungjawab membentuk akhlak yang baik merupakan satu agenda yang besar sehingga Allah s.w.t telah mengutuskan Rasulullah s.a.w kepada umatnya untuk menyempurnakan akhlak.<sup>1</sup> Rasulullah s.a.w telah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ)).<sup>2</sup>  
رواه البخاري

*Dari Abu Hurairah r.a, sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda, "Bahawasanya aku ini diutuskan untuk menyempurnakan akhlak".*

Jelaslah bahawa Rasulullah s.a.w adalah contoh teladan yang terbaik dalam kehidupan setiap Muslim dan ianya meliputi pelbagai aspek kehidupan. Sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu terdapat contoh ikutan yang baik buat kamu, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan rahmat Allah dan (kedatangan) hari akhirat, serta yang banyak mengingati Allah. (Al-Qur'an 33:21)*

## **AKHLAK ISLAMIYYAH SEORANG MUSLIM TERHADAP SESAMA MAKHLUK**

Masyarakat Islam yang mempunyai akhlak yang baik dan kesopanan yang tinggi adalah masyarakat yang berbuat baik kepada semua makhluk terutama kepada ibu bapa, memelihara hubungan silaturahim, menghormati jiran, menyeru manusia ke arah kebaikan, mengamalkan *amar makruf nahi mungkar*, mempunyai sifat mulia dan budi pekerti yang luhur.<sup>3</sup>

Dalam pada itu, Al-Attas mendefinisikan orang yang berakhlak itu sebagai insan adabi. Konotasi insan adabi itu diperkenalkan oleh Al-Attas yang membawa maksud orang yang melakukan sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Allah s.w.t. Insan adabi itu adalah hasil daripada meneladani akhlak

<sup>1</sup> Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, & Sabri Mohamad, "Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam," *Jurnal Al-Turath* 3, no. 1 (2018): 56.

<sup>2</sup> Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail, *Al-Adab Al-Mufrad* (Riyadh: Maktabah Al-Maarif, 1998) Bab Husnu Al-Khuluq, Jil. 1, Hadis 273, 143.

<sup>3</sup> Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid, & Norul Huda Bakar, "Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang Sebagai Benteng Menanganinya," *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* 2, no. 1 (2015): 5.

Rasulullah s.a.w. Maka, akan lahirlah seorang Muslim yang memahami dan menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan masyarakat.<sup>4</sup>

Oleh sebab itu, Allah s.w.t memerintahkan manusia supaya menjaga hubungan sesama makhluk. Akhlak dan adab-adab tertentu telah digariskan dalam Al-Qur'an dan Sunnah untuk menjaga hubungan sesama manusia dalam setiap peringkat sosial bermula daripada hubungan suami dan isteri, ibu bapa dan anak-anak, hubungan kejiwaan, hubungan dalam masyarakat serta hubungan antara rakyat dan pemerintah. Hubungan dalam institusi sosial seperti ini mengandungi akhlak, adab, hak, perintah, dan larangan yang telah digariskan oleh Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w.<sup>5</sup>

Menurut Al-Attas, manusia adalah refleksi kepada alam *saghir* iaitu alam yang kecil yang mana ianya adalah manifestasi kepada alam yang besar iaitu alam semesta. Allah s.w.t telah menciptakan alam semesta ini dengan teratur dan semuanya telah diletakkan pada kedudukan yang tepat. Sunnatullah kejadian alam ini sangat adil dan berhikmah. Oleh sebab itu, manusia sebagai alam *saghir* yang memanifestasikan alam yang besar itu sepatutnya berakhlak dengan akhlak yang mahmudah iaitu akhlak yang baik, supaya selari dengan penciptaan alam semesta dan penciptaan alam keseluruhannya. Maka, akan terhasillah keharmonian dalam hidup bersosial.<sup>6</sup>

Walaupun bagaimanapun, permasalahan yang dihadapi oleh manusia dalam sistem sosial adalah sesetengah masyarakat Islam gagal membangunkan komunikasi sosial yang baik, malah ramai yang tidak berkomunikasi dengan baik terhadap kedua-dua ibu bapa, guru, pemimpin, sanak saudara, dan jiran tetangga. Ini menyebabkan mereka gagal untuk membina insan yang berakhlak mulia, yang menghormati ibu bapa, keluarga, dan masyarakat yang lainnya.<sup>7</sup>

Jelaslah bahawa setiap Muslim memikul tanggungjawab, kewajipan asas, dan hak yang perlu ditunaikan ke atas orang lain. Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk meneroka pendekatan Nabawi dalam membentuk akhlak Islamiyyah seorang Muslim terhadap sesama makhluk dan menyediakan panduan kepada setiap Muslim untuk berakhlak mulia terhadap ibu bapa, keluarga, guru, sanak saudara, rakan, jiran tetangga, tetamu, orang yang memerlukan, kanak-kanak, termasuklah haiwan.<sup>8</sup>

## 1. Ibu bapa

Menghormati kedua ibu bapa dan berakhlak mulia terhadap mereka berdua merupakan titik tolak kemuliaan akhlak bagi setiap Muslim kerana merekalah yang bersusah payah membesarkan anak-anak

---

<sup>4</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005) 117.

<sup>5</sup> Zaharah Hussin et al., "Pembangunan Akhlak Dan Moral Ke Arah Masyarakat Lestari," *Al-Hikmah* 7, no. 2 (2015): 78.

<sup>6</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Falsafah Agama Dan Asas Akhlak* (Kuala Lumpur: IBFIM, 2013) 37.

<sup>7</sup> Muhammad Hilmi Jalil & Mohd Yusof Othman, "Jati Diri Manusia: Antara Islam Dan Barat," *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 2017, 99.

<sup>8</sup> Siti Khariah Mohd. Zubir, "Pembangunan Sahsiah Belia Dan Teori SPB4K Dalam Novel Nisah Haron," *Jurnal Melayu* 14, no. 1 (2015): 126.

bermula dari dalam kandungan lagi. Oleh itu, Allah s.w.t mewajibkan ke atas setiap Muslim untuk melayan kedua ibu bapa dengan layanan yang khusus.<sup>9</sup> Sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*Dan tuhanmu telah menetapkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau melakukan kebaikan kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada kedua-duanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ah” dan janganlah engkau menengking mereka berdua tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun). (Al-Qur’an 17:23)*

Justeru itu, anak-anak hendaklah bercakap dengan kedua ibu bapa mereka dengan percakapan yang lemah-lembut, beradab sopan, berkasih sayang, dan tidak menggunakan perkataan yang buruk dan tidak baik yang boleh membuatkan kedua ibu bapa berasa tidak senang dan terasa hati. Anak-anak juga perlu berusaha untuk melakukan perkara yang boleh menggembarakan hati ibu bapa. Jika ingin menasihati ibu bapa tentang perkara yang melibatkan hukum-hakam Islam, maka anak-anak digalakkan untuk menasihati mereka dengan cara yang paling sesuai.<sup>10</sup>

Di samping itu, Rasulullah s.a.w telah bersabda tentang hak ibu bapa ke atas anaknya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ صَحَابَتِي؟ قَالَ: ((أُمُّكَ)) قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: ((ثُمَّ أُمُّكَ)) قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: ((ثُمَّ أُمُّكَ)) قَالَ: ((ثُمَّ أُمُّكَ)) قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: ((ثُمَّ أَبُوك)).<sup>11</sup> رواه البخاري

*Dari Abu Hurairah r.a, dia berkata, “Seorang lelaki datang kepada Rasulullah s.a.w dan bertanya, ‘Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling berhak aku perlakukan dengan baik? Rasulullah s.a.w bersabda, ‘Ibumu.’ Lelaki itu bertanya lagi, ‘Kemudian siapa lagi?’ Rasulullah s.a.w menjawab, ‘Ibumu.’ Lelaki itu bertanya lagi, ‘Kemudian siapa lagi?’ Rasulullah s.a.w menjawab, ‘Kemudian ibumu’. Lelaki itu bertanya lagi (kali keempat), ‘Kemudian siapa lagi?’ Rasulullah s.a.w bersabda, ‘Kemudian bapamu.’”*

Berdasarkan hadis di atas, penyebutan ‘ibu’ diulang tiga kali kemudian yang keempat barulah disebut ‘bapa’. Hal ini menunjukkan bahawa anak perlu memperlakukan ibu dengan tiga kali ganda lebih baik berbanding bapa. Ini disebabkan oleh tiga kesulitan yang khusus dialami oleh ibu pada masa kehamilan, melahirkan, dan semasa menyusukan anak. Kemudian ibu dan bapa bersama-sama bertanggungjawab mendidik anak-anak.<sup>12</sup> Sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud:

<sup>9</sup> Asming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim, “Akhlak Warisan Rasulullah s.a.w Membawa Kemuliaan Umat,” *Jurnal Usuluddin* 26 (2007): 74.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail, *Sahih Al-Bukhari* (Al-Qahirah: Dar Al-Hadith, 2004) Kitab Al-Adab, Hadis 5971, 96.

<sup>12</sup> Ibnu Hajar Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, terjemahan oleh Amiruddin (Jakarta: Pustaka Azam, 2008) Jil. 29, 6.

*Kami telah memerintahkan manusia agar melakukan kebaikan kepada kedua-dua ibu bapanya, ibunya telah mengandukannya dalam keadaan lemah (daripada awal waktu mengandung hingga akhir tempoh menyusunya) dan tempoh menceraikan susunya adalah usia dua tahun. (Al-Qur'an 31:14)*

## 2. Keluarga

Seorang Muslim juga seharusnya menghormati, menyayangi dan mengasihi ahli keluarga selain daripada ibu bapa termasuklah isteri atau suami, anak, adik-beradik, dan ahli keluarga yang lain. Islam menggalakkan untuk kita sentiasa berbuat baik, menjaga tutur kata, berbudi bahasa, dan berbaik sangka menurut kemampuan masing-masing. Keluarga yang saling menolong antara satu sama lain, hormat-menghormati, dan mengisi kekurangan diri dengan nasihat-menasihati akan hidup dalam keadaan yang harmoni.<sup>13</sup>

Berikut adalah hadis yang menceritakan tentang kebiasaan Rasulullah s.a.w apabila berada di rumah:

عَنِ الْأَسْوَدِ، قَالَ: سَأَلْتُ عَائِشَةَ، مَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصْنَعُ فِي أَهْلِهِ؟ قَالَتْ: كَانَ فِي مِهْنَةِ أَهْلِهِ، فَإِذَا حَضَرَتِ الصَّلَاةُ قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ.<sup>14</sup> رواه البخاري

*Dari Al-Aswad dia berkata, aku bertanya kepada Aisyah r.a, “Apakah yang biasa dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. pada keluarganya?” Beliau berkata, “Rasulullah s.a.w melakukan urusan keluarganya. Apabila waktu solat telah tiba, maka beliau bangun untuk menunaikan solat.”*

Maksud *mihnah* di dalam hadis di atas adalah melayani keperluan keluarganya. Menurut Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, berdasarkan beberapa hadis yang lain, Rasulullah s.a.w menjahit bajunya, membaiki sandalnya, dan mengerjakan apa yang biasa dilakukan oleh kaum lelaki di rumah mereka.<sup>15</sup>

## 3. Guru

Akhlak yang baik terhadap guru adalah suatu perkara yang ditekankan ketika menuntut ilmu sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Abu Musa r.a:

<sup>13</sup> Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit, “Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Akhlak Selepas Memeluk Islam Di Johor,” *Al-Hikmah* 9, no. 1 (2017): 81.

<sup>14</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab, Hadis 6039, 110.

<sup>15</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 29, 207.

عَنْ أَبِي مُوسَى، قَالَ: سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَشْيَاءٍ كَرِهَهَا، فَلَمَّا أُكْثِرَ عَلَيْهِ غَضِبَ، ثُمَّ قَالَ لِلنَّاسِ: ((سَلُونِي عَمَّا شِئْتُمْ)) قَالَ رَجُلٌ: مَنْ أَبِي؟ قَالَ: ((أَبُوكَ حُدَافَةُ)) فَقَامَ آخِرُ فَقَالَ: مَنْ أَبِي يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ فَقَالَ: ((أَبُوكَ سَالِمٌ مَوْلَى شَيْبَةَ))، فَلَمَّا رَأَى عُمَرُ مَا فِي وَجْهِهِ، قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا نَتُوبُ إِلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ.<sup>16</sup> رواه البخاري

Dari Abu Musa r.a dia berkata, “Seseorang bertanya kepada Nabi s.a.w mengenai perkara yang tidak disukai beliau. Maka tatkala orang itu terlalu banyak bertanya, Nabi s.a.w menjadi marah. Kemudian beliau berkata, “Tanyakanlah apa yang hendak kamu tanyakan.” Seorang lelaki bertanya, “Siapakah bapaku?” Rasulullah s.a.w menjawab, “Bapamu Hudzafah.” Bertanya pula yang lain, “Siapakah bapaku hai Rasulullah?” Nabi s.a.w menjawab, “Bapamu Salim, hamba sahaya Syaibah.” Tatkala Umar melihat rasa kurang senang tergambar di wajah Rasulullah s.a.w kerana soalan yang tidak menentu itu, segera dia berkata, “Wahai Rasulullah! Kami bertaubat kepada Allah Yang Maha Kuasa dan Yang Maha Agung (kerana menyinggung perasaanmu).”

Hadis ini termasuk di dalam bab “marah dalam memberi nasihat dan mengajar jika melihat sesuatu yang dibenci”. Implikasi daripada hadis ini adalah adab terhadap guru. Apabila belajar sesuatu daripada guru, pelajar hendaklah bertanya tentang perkara yang penting yang mereka perlu tahu sahaja. Pelajar tidak sepatutnya bertanya soalan yang akan membuatkan guru berasa tidak selesa dan menyinggung perasaan guru. Menurut Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, diantara soalan yang tidak disukai oleh Rasulullah s.a.w yang ditanyakan kepada baginda s.a.w adalah pertanyaan tentang hari kiamat dan sebagainya. Apabila Umar melihat wajah marah Rasulullah s.a.w, seraya dia berkata, “aku bertaubat dari hal-hal yang membuat engkau murka”. Kemarahan Rasulullah s.a.w terhadap sesuatu perkara menunjukkan bahawa hal itu dilarang atau dibenci.<sup>17</sup>

#### 4. Sanak saudara

Rasulullah s.a.w menggalakkan umat Islam untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w tentang amalan-amalan yang akan memberikan ganjaran syurga:

عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا قَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَحْبَبْتَنِي بِعَمَلٍ يُدْخِلُنِي الْجَنَّةَ. فَقَالَ الْقَوْمُ مَالَهُ مَالَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ((أَرَبُّ مَالَهُ)). فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ((تَعْبُدُ اللَّهَ لَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا، وَتُقِيمُ الصَّلَاةَ، وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ، وَتَصِلُ الرَّحِمَ...إِلخ)).<sup>18</sup> رواه البخاري

<sup>16</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-‘Ilm, Hadis 92, 36.

<sup>17</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 1, 360.

<sup>18</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab, Hadis 5983, 98.

*Dari Abu Ayyub Al-Ansari r.a, sesungguhnya seorang lelaki berkata, “Wahai Rasulullah, beritahukan kepadaku amalan yang memasukkanku ke dalam syurga.” Orang-orang berkata, “Ada apa dengannya... ada apa dengannya...” Rasulullah s.a.w bersabda, “Dia memiliki keperluan.” Kemudian baginda s.a.w bersabda, “Hendaklah engkau menyembah Allah, tidak mempersekutukan sesuatu dengan-Nya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, dan mengeratkan hubungan kekeluargaan...*

Perkataan *ar-rahim* bermaksud kerabat yang memiliki hubungan nasab, sama ada ahli waris ataupun bukan, mahram ataupun bukan mahram seperti bapa saudara, ibu saudara, dan sepupu sebelah bapa dan ibu.<sup>19</sup> Antara cara-cara untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama sanak saudara termasuklah menziarahi mereka, membantu dari segi kewangan, dan bercakap dengan percakapan yang baik.<sup>20</sup>

## 5. Rakan

Saudara seislam atau rakan juga mempunyai hak ke atas saudara Islam yang lain. Sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w yang diriwayatkan oleh Anas r.a:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ)).<sup>21</sup> رواه البخاري

*Dari Anas r.a dari Nabi s.a.w bersabda, “Tidak sempurna keimanan seseorang dari kalian, sebelum ia mencintai saudaranya (sesama muslim) sebagaimana ia mencintai dirinya sendiri.”*

Maksud cinta di dalam hadis di atas adalah cinta dan berasa senang jika saudaranya (sesama muslim) mendapatkan sesuatu perkara seperti apa yang dia perolehi, baik dalam perkara yang bersifat indrawi atau maknawi. Ianya juga menekankan untuk bersifat *tawadhu*’ iaitu rendah hati sehingga tidak senang untuk melebihi orang lain. Maka, apabila dia mencintai saudaranya (sesama muslim) seperti dia mencintai dirinya sendiri, dia termasuk dalam kalangan orang-orang yang utama.<sup>22</sup>

## 6. Jiran Tetangga

Sebagai seorang Muslim, kita digalakkan untuk menunaikan hak dan tanggungjawab sebagai jiran tetangga sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w tentang pesanan Jibril a.s kepada baginda s.a.w:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ -رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا- قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((مَا زَالَ جِبْرِيلُ يُوصِيَنِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُورَثُنِي)).<sup>23</sup> رواه البخاري

<sup>19</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 29, 51.

<sup>20</sup> Muhammad Muhsin Khan, *The Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari Arabic-English* (Riyadh: Dar al-Salam, 1997) Jil. 8, 23.

<sup>21</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Iman, Hadis 13, 12.

<sup>22</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 1, 95.

<sup>23</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab, Hadis 6015, 105-106.

*Dari Ibnu Umar r.a, dia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda, “Jibril senantiasa berwasiat kepadaku tentang tetangga sehinggakan aku mengira dia (tetangga) akan mendapat warisan (dari tetangganya).”*

Berdasarkan hadis di atas, Jibril a.s sangat menekankan hak jiran tetangga. Perkataan *al-jaar* bermaksud mereka yang tinggal berdekatan rumah. Menjaga hubungan sesama jiran tetangga termasuklah memberikan pelbagai kebaikan sesuai dengan kemampuan diri seperti memberi hadiah, memberi salam, menunjukkan wajah yang ceria ketika bertemu, prihatin, memberi bantuan, dan tidak mendatangkan sebarang jenis gangguan terhadap jiran tetangga.<sup>24</sup>

## 7. Tetamu

Tetamu adalah termasuk di dalam golongan yang mempunyai hak ke atas saudara Islamnya yang lain iaitu tuan rumah sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w tentang layanan terhadap tetamu:

عَنْ أَبِي شُرَيْحِ الْكَعْبِيِّ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ؛ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، جَائِزَتُهُ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ، وَالضِّيَافَةُ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ، فَمَا بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ صَدَقَةٌ، وَلَا يَحِلُّ لَهُ أَنْ يَثْوِيَ عِنْدَهُ حَتَّى يُخْرِجَهُ)).<sup>25</sup> رواه البخاري

*Dari Abu Syuraih Al-Ka'bi, sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda, “Barang siapa yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, hendaklah dia memuliakan tetamunya sesuai dengan haknya selama sehari semalam. Melayani tetamu itu selama tiga hari, dan segala pemberian sesudah itu adalah dianggap sebagai sedekah. Dan tidak halal bagi tetamu untuk tinggal dan bermalam sehingga membebankan tuan rumah.”*

Berdasarkan hadis di atas, tuan rumah digalakkan untuk memberi layanan dan menyediakan makanan yang terbaik kepada tetamu pada hari pertama. Pada hari kedua dan ketiga pula, dihidangkan makanan yang ada dan bersesuaian dengan kebiasaan tuan rumah. Maka, selepas tiga hari, tuan rumah telah menunaikan hak tetamunya dan apa yang diberikan kepada tetamunya selepas itu adalah dianggap sebagai sedekah.<sup>26</sup>

## 8. Orang Susah dan Orang yang Memerlukan

Rasulullah s.a.w menggalakkan orang Islam untuk memberi pertolongan dan membantu orang susah dan orang yang memerlukan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Musa r.a:

<sup>24</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 29, 140.

<sup>25</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab, Hadis 6135, 131.

<sup>26</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 29, 437.

عَنْ أَبِي مُوسَى، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنَّهُ كَانَ إِذَا أَتَاهُ السَّائِلُ أَوْ صَاحِبُ الْحَاجَةِ قَالَ:  
(اشْفَعُوا فَلْتُوَجَّرُوا، وَلِيَقْضِ اللَّهُ عَلَى لِسَانِ رَسُولِهِ مَا شَاءَ)).<sup>27</sup> رواه البخاري

*Dari Abu Musa r.a, dari Nabi s.a.w, sesungguhnya Rasulullah s.a.w apabila didatangi orang yang meminta, atau orang yang memiliki hajat, maka beliau bersabda, “Berilah syafaat (pertolongan), nescaya kalian akan diberi pahala, dan Allah memutuskan melalui lisan Rasul-Nya apa yang Dia kehendaki.”*

Hadis ini menekankan tentang sesiapa yang memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan dalam kebaikan, maka dia akan mendapatkan ganjaran pahala. Dan sesiapa yang memberi syafaat dalam kebatilan, nescaya dia akan mendapatkan bahagian dosa. Menurut Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, antara syafaat yang baik adalah mendoakan kebaikan untuk seorang muslim, sedangkan syafaat yang buruk adalah memohon keburukan baginya.<sup>28</sup> Sebagaimana firman Allah s.w.t yang bermaksud:

*Sesiapa yang memberi pertolongan yang baik, dia pasti memperoleh bahagian daripadanya. Dan sesiapa yang memberi pertolongan yang buruk, pasti dia akan memikul bahagian daripadanya. Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu. (Al-Qur’an 4:85)*

## 9. Kanak-kanak

Rasulullah s.a.w mencintai kanak-kanak, mendidik, dan memperhatikan mereka dengan baik. Baginda s.a.w sangat mencintai, menyayangi, dan mengasahi kedua-dua cucunya Hasan dan Husin.<sup>29</sup> Malah baginda s.a.w seringkali bermain dengan kedua-dua cucunya seperti menggendong, memangku, meletakkan mereka di atas bahunya, dan mencium mereka.<sup>30</sup> Rasulullah s.a.w. juga mendidik anak-anak dengan menggunakan kaedah memberi penghargaan. Kaedah ini merupakan beberapa bentuk penghargaan yang terdiri daripada memberi hadiah, memuji, memeluk, dan mencium anak-anak.<sup>31</sup>

Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a tentang kelakuan Rasulullah s.a.w terhadap cucunya Hasan:

<sup>27</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab, Hadis 6028, 108.

<sup>28</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 29, 176.

<sup>29</sup> Miftahul Jannah, “Tugas-Tugas Perkembangan Pada Usia Kanak-Kanak,” *Gender Equality: International Journal of Child and Gender Studies* 1, no. 2 (2015): 97.

<sup>30</sup> Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasia Hanin Hamjah, “Personaliti Bapa Daripada Perspektif Islam,” *Gjat* 5, no. 2 (2015): 94.

<sup>31</sup> Syed Sultan Bee Packeer Mohamed, “Amalan Kaedah Rasulullah S.A.W. Dalam Pendidikan Anak-Anak: Kajian Terhadap Staf Wanita Universiti Utara Malaysia,” in *International Seminar On Islamic Civilization And Thoughts (INSIST) 2017*, 2017, 167.

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَبَّلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْحَسَنَ بْنَ عَلِيٍّ، وَعِنْدَهُ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ التَّمِيمِيُّ جَالِسًا، فَقَالَ الْأَقْرَعُ: إِنَّ لِي عَشْرَةَ مِنْ الْوَالِدِ مَا قَبَّلْتُ مِنْهُمْ أَحَدًا! فَنَظَرَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ: ((مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ)).<sup>32</sup> رواه البخاري

Sesungguhnya Abu Hurairah r.a berkata, “Rasulullah s.a.w mencium Al-Hasan bin Ali dan Al-Aqra’ bin Habis At-Taimi sedang duduk di sisinya. Al-Aqra’ berkata, ‘Sesungguhnya aku memiliki sepuluh anak, tetapi aku tidak pernah mencium seorang pun di antara mereka’. Rasulullah s.a.w memandangnya kemudian bersabda, ‘Siapa yang tidak menyayangi orang lain, maka dia juga tidak akan disayangi’”.

Berdasarkan hadis ini, dapat dilihat Rasulullah s.a.w sangat penyayang terhadap kanak-kanak. Menurut Imam Ibnu Hajar Al-Asqalani, dibolehkan mencium anak kecil pada semua anggota badannya selagi ianya bukan daripada bahagian aurat. Mencium anak adalah untuk menunjukkan kasih sayang terhadap anak-anak kecil. Di samping itu, maksud ayat yang terakhir di dalam hadis tersebut ialah, apabila Allah s.w.t mencabut kasih sayang daripada hati manusia yang tidak menyayangi, meskipun Rasulullah s.a.w tidak memiliki kekuasaan untuk mengembalikannya kepada mereka.<sup>33</sup>

## 10. Haiwan

Seorang Muslim digalakkan untuk melakukan kebaikan kepada haiwan<sup>34</sup> seperti memberi makan dan hal-hal yang lain termasuk dalam kategori berbuat baik kepada haiwan. Sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w tentang seorang lelaki yang mendapat pahala kerana memberi minum kepada haiwan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((بَيْنَمَا رَجُلٌ يَمْشِي بِطَرِيقٍ اشْتَدَّ عَلَيْهِ الْعَطَشُ، فَوَجَدَ بَيْتْرًا، فَنَزَلَ فِيهَا، فَشَرِبَ ثُمَّ خَرَجَ، فَإِذَا كَلْبٌ يَلْهَثُ يَأْكُلُ التُّرَى مِنَ الْعَطَشِ، فَقَالَ الرَّجُلُ: لَقَدْ بَلَغَ هَذَا الْكَلْبُ مِنَ الْعَطَشِ مِثْلَ الَّذِي كَانَ بَلَغَ بِي، فَنَزَلَ الْبَيْتْرَ فَمَلَأَ حُقْفَهُ، ثُمَّ أَمْسَكَهُ فِيهِ فَسَقَى الْكَلْبَ، فَشَكَرَ اللَّهُ لَهُ، فَغَفَرَ لَهُ)) قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَإِنَّ لَنَا فِي الْبَهَائِمِ أَجْرًا؟ فَقَالَ: ((نَعَمْ، فِي كُلِّ ذَاتِ كَبِدٍ رَطْبَةٍ أَجْرٌ)).<sup>35</sup> رواه البخاري

Dari Abu Hurairah r.a, sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda, “Ketika seorang lelaki berjalan di suatu jalan, tiba-tiba dia merasa sangat haus. Kemudian dia menjumpai satu perigi, lalu dia turun ke dalamnya dan minum air darinya. Kemudian dia keluar dari perigi tersebut dan ternyata ada anjing yang menjulurkan lidahnya dan menjilat tanah

<sup>32</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab, Hadis 5997, 102.

<sup>33</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 29, 93.

<sup>34</sup> Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi, “Bentuk Metodologi Pengajaran Rasulullah SAW Dari Perspektif Pemikiran Imam Al-Nawawi Menerusi Kitab Himpunan Hadis Empat Puluh,” in *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan Dan Penyelidikan Islam (SePPIM’13)*, 2013, 577.

<sup>35</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Adab, Hadis 6009, 104-105.

kerana kehausan. Lalu lelaki itu berkata, 'Sungguh, anjing ini telah merasakan kehausan seperti yang aku rasakan'. Kemudian dia turun ke dalam perigi dan memenuhkan kasutnya dengan air kemudian dia naik sambil menggigit kasutnya dan memberi minum kepada anjing itu. Kemudian Allah bersyukur kepadanya (memujinya) dan mengampuninya." Sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, apakah kita mendapat pahala kerana menolong haiwan?" Beliau bersabda, "Pada setiap hati yang basah (makhluk yang bernyawa) ada pahalanya."

Hadis ini juga disebut di dalam Kitab Al-Musaqah di dalam bab "keutamaan memberi air minuman". Ianya menceritakan tentang seorang lelaki yang memberi minum kepada seekor anjing. Lelaki tersebut mengisi air dengan menggunakan salah satu daripada kasutnya dan menggigitnya dengan mulut kerana kedua-dua tangannya digunakan untuk keluar daripada perigi. Perkara ini menggambarkan bahawa naik ke atas untuk keluar daripada perigi itu bukan suatu perkara yang mudah. Tetapi lelaki tersebut masih lagi turun untuk kali kedua untuk mengambil air dan memberi minum kepada anjing. Oleh kerana usaha yang telah ditunjukkan oleh lelaki itu, maka Allah s.w.t memujinya, menerima amalannya, dan membalas perbuatannya.<sup>36</sup>

Di samping itu, hadis Rasulullah s.a.w berkenaan dengan balasan terhadap seorang perempuan yang tidak memberi minum kepada haiwan:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ -رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا- أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((عُدِّبَتْ امْرَأَةٌ فِي هِرَّةٍ حَبَسَتْهَا، حَتَّى مَاتَتْ جُوعًا، فَدَخَلَتْ فِيهَا النَّارَ، قَالَ: فَقَالَ -وَاللَّهِ أَعْلَمُ- لَا أَنْتِ أَطْعَمْتِهَا وَلَا سَقَيْتِهَا حِينَ حَبَسْتِهَا، وَلَا أَنْتِ أَرْسَلْتِهَا فَأَكَلَتْ مِنْ حَشَّاشِ الْأَرْضِ)).<sup>37</sup> رواه البخاري

Dari Abdullah bin Umar r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Seorang wanita disiksa kerana mengikat seekor kucing sehingga mati kelaparan. Maka dia masuk neraka dengan sebab itu." Baginda s.a.w bersabda, "Dikatakan -wallahu a'lam- engkau tidak memberinya makan dan minum ketika menahannya, dan engkau tidak pula melepaskannya supaya ia dapat memakan binatang (serangga) di muka bumi."

Hadis di atas adalah mengenai kisah seorang perempuan yang mengikat kucing hingga menyebabkan kucing itu mati kelaparan dan perempuan tersebut mendapat balasan iaitu dimasukkan ke dalam neraka. Perempuan itu diazab kerana tidak memberi minum kepada kucing. Jika dia memberi minum kepada kucing, nescaya dia tidak akan diazab. Hadis ini juga menerangkan tentang haramnya membunuh apa yang tidak diperintahkan untuk dibunuh sama ada dengan cara membuatnya kehausan ataupun dengan cara yang lain, meskipun kucing. Bagi seorang Muslim, walaupun tidak mendapat pahala kerana memberi minum kepada haiwan, cukuplah dengan berbuat baik kepada haiwan dengan menyelamatkannya daripada bahaya.<sup>38</sup>

## PENUTUP

<sup>36</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 13, 326.

<sup>37</sup> Al-Bukhari, *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Musaqah, Hadis 2365.

<sup>38</sup> Al-Asqalani, *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*, Jil. 13, 330.

Kesimpulannya, untuk melahirkan insan adabi iaitu insan yang berakhlak mulia terhadap sesama makhluk, ianya hendaklah bersumberkan dengan ilmu yang benar iaitu ilmu yang menundukkan manusia agar takut kepada Allah s.w.t iaitu orang yang mengetahui ketinggian, kekuasaan, dan kesempurnaan Allah s.w.t sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

*Sesungguhnya orang yang takut akan Allah s.w.t dalam kalangan hamba-hamba-Nya hanyalah orang yang berilmu.* (Al-Qur'an 35:28)

Di samping itu, Rasulullah s.a.w telah memberi panduan kepada setiap Muslim untuk berakhlak mulia terhadap sesama makhluk yang telah ditunjukkan melalui hadis-hadis baginda s.a.w. Justeru, panduan dan pengajaran hadis yang telah dibincangkan di dalam penulisan ini diharapkan dapat memberi panduan kepada setiap Muslim untuk terus mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w dalam beramal dengan hadis baginda dan dapat melahirkan masyarakat Islam yang berakhlak mulia terhadap semua makhluk Allah s.w.t.

## RUJUKAN

Al-Qur'an.

Al-Asqalani, Ibnu Hajar. *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*. Amman: Bait Al-Afkar, 2000.

Al-Asqalani, Ibnu Hajar. *Fathul Baari Syarh Sahih Al-Bukhari*. Terjemahan oleh Amiruddin. Jakarta: Pustaka Azam, 2008.

Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. *Al-Adab Al-Mufrad*. Riyadh: Maktabah Al-Maarif, 1998.

Al-Bukhari, Muhammad ibn Ismail. *Sahih Al-Bukhari*. Al-Qahirah: Dar Al-Hadith, 2004.

Asming Yalawae & Ahmad Farid Ibrahim. "Akhlak Warisan Rasulullah s.a.w Membawa Kemuliaan Umat." *Jurnal Usuluddin* 26 (2007): 71–83.

Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abdul Hamid, & Norul Huda Bakar. "Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang Sebagai Benteng Menanganinya." *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi* 2, no. 1 (2015): 1–18.

Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasiah Hanin Hamjah. "Personaliti Bapa Daripada Perspektif Islam." *Gjat* 5, no. 2 (2015): 89–98.

Miftahul Jannah. "Tugas-Tugas Perkembangan Pada Usia Kanak-Kanak." *Gender Equality: International Journal of Child and Gender Studies* 1, no. 2 (2015): 87–98.

Muhammad Hilmi Jalil & Mohd Yusof Othman. "Jati Diri Manusia: Antara Islam Dan Barat." *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 2017, 97–110.

Muhammad Muhsin Khan. *The Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari Arabic-English*. Riyadh: Dar al-Salam, 1997.

Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji, & Sabri Mohamad. "Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam." *Jurnal Al-Turath* 3, no. 1 (2018): 55–63.

Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi. "Bentuk Metodologi Pengajaran Rasulullah SAW Dari Perspektif Pemikiran Imam Al-Nawawi Menerusi Kitab Himpunan Hadis Empat Puluh." In *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan Dan Penyelidikan Islam (SePPIM'13)*, 572–82, 2013.

Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. "Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita Dari Sudut Akhlak Selepas Memeluk Islam Di Johor." *Al-Hikmah* 9, no. 1 (2017): 80–109.

- Siti Khariah Mohd. Zubir. "Pembangunan Sahsiah Belia Dan Teori SPB4K Dalam Novel Nisah Haron." *Jurnal Melayu* 14, no. 1 (2015): 120–35.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. *Falsafah Agama Dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: IBFIM, 2013.
- Syed Sultan Bee Packeer Mohamed. "Amalan Kaedah Rasulullah S.A.W. Dalam Pendidikan Anak-Anak: Kajian Terhadap Staf Wanita Universiti Utara Malaysia." In *International Seminar On Islamic Civilization And Thoughts (INSIST) 2017*, 160–69, 2017.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. *Falsafah Dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.
- Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar, & Nurul Rabihah Mat Noh. "Pembangunan Akhlak Dan Moral Ke Arah Masyarakat Lestari." *Al-Hikmah* 7, no. 2 (2015): 72–87.